



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

HEBAHAN IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME (MySTEP)

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut :

1. PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP SETARAF SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

JAWATAN	:	PERSONEL MySTEP (SETARAF SPM)
KELAYAKAN	:	SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ATAU KELAYAKAN YANG DIKTIRAF SETARAF DENGANNYA OLEH KERAJAAN
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK (MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME)
TEMPOH LANTIKAN	:	SEHINGGA DISEMBER 2026
BILANGAN KEKOSONGAN	:	DUA (2)
KADAR UPAH	:	RM1,900.00 SEBULAN
KEUTAMAAN	:	MENETAP DI JOHOR BAHRU
KEMUDAHAN	:	CUTI REHAT, CUTI SAKIT, CARUMAN KWSP & PERKESO

2. SYARAT LANTIKAN :

1. **Warganegara Malaysia**
2. Berumur tidak kurang daripada **18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan.
3. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Berkebolehan menggunakan Microsoft Office dalam melaksanakan tugas-tugas meliputi merekod database, fail-fail dan lain-lain.
5. Boleh bekerja dibawah pengawasan yang minimum dan menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan.

3. **DESKRIPSI TUGAS PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP (SETARAF SPM) :**
PENEMPATAN : UNIT CAWANGAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
(JUMLAH : 2 - JAWATAN PERSONEL MySTEP)

- Membantu tugas-tugas Penolong Pegawai Penilaian dalam memantau skim pemajuan berstrata diurus dan ditadbir mengikut peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) & Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2015 supaya penguatkuasaan Akta terlibat dapat dilaksanakan.
- Membuat semakan dan lawatan tapak ke atas aduan yang dilaporkan kepada pihak COB serta membuat laporan siasatan cadangan/tempoh penyelesaian.
- Menerima, merekod dan membuat semakan terhadap aduan yang diterima.
- Mengemaskini dan menyemak senarai skim pemajuan berstrata (inventori) dalam kawasan MBBJ.
- Membuka fail bagi skim kawasan pemajuan berstrata yang baru dan sentiasa membuat semakan dan kemaskini di dalam sistem.
- Membantu kerja-kerja pentadbiran.
- Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.
- Menyelesaikan aduan berkaitan kebocoran antara tingkat di skim pemajuan berstrata berdasarkan Peraturan 55 hingga Peraturan 60, Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015.

4. **CARA MEMOHON :**

Calon yang berminat hendaklah mengisi Borang Permohonan MySTEP Majlis Bandaraya Johor Bahru melalui melalui Sistem eJawatan di pautan <https://apl.mbjb.gov.my/ejawatan>. **Tarikh Tutup Permohonan: 23 September 2026 (Rabu).**

5. **CATATAN AM :**

- (a) Hanya calon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga dan akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau emel.
- (b) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungan sendiri.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 1 Oktober 2026 adalah dianggap tidak berjaya.
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat seperti dalam iklan akan **ditolak serta merta.**



(DATO' Sr HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tarikh :
Rujukan : MBBB/U/2010/02/PJW/3/8